

Bahagian A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada sambutan kemerdekaan negara. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan mengadakan sambutan kemerdekaan negara pada setiap tahun. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

SAMBUTAN KEMERDEKAAN NEGARA



Memupuk Semangat Patriotik



Menghargai Jasa Pemimpin



Memupuk Perpaduan

Bahagian B

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. "Menerusi konsep 1 Malaysia, kerajaan berhasrat untuk menyatupadukan masyarakat tanpa mengira kaum bagi membolehkan mereka menikmati kemajuan dan kemakmuran negara secara adil dan saksama".

Sebagai remaja yang berwawasan, bincangkan peranan anda untuk mencapai konsep 1 Malaysia tersebut.

2. Minat membaca buku-buku ilmiah dalam kalangan anak-anak remaja belum mencapai tahap yang memuaskan. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk menggalakkan anak-anak mereka membaca karya-karya ilmiah agar dapat melahirkan generasi yang cinta akan ilmu pengetahuan.

Nyatakan usaha-usaha yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk mencapai hasrat tersebut.

3. Anda berminat menulis sebuah rencana tentang kepentingan melancong ke tempat-tempat menarik di dalam negara. Hal ini kerana, melancong ke tempat-tempat menarik di dalam negara mendatangkan pelbagai faedah kepada negara dan rakyat.

Tulis sebuah rencana anda selengkapnya.


4. Kejadian bencana alam sering melanda negara-negara di rantau ini. Sebagai tindakan berjaga-jaga, Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk bekerjasama dengan negara serantau bagi menghadapi kejadian tersebut pada masa hadapan.

Huraikan bentuk kerjasama yang boleh dilakukan oleh Malaysia dan negara serantau untuk menghadapi bencana alam tersebut.

5. Anda telah membaca sebuah cerpen yang tersiar dalam sebuah majalah tempatan. Anda tertarik dengan ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam cerpen tersebut.

Huraikan ciri-ciri istimewa cerpen tersebut yang menarik perhatian anda.

Disediakan Oleh



(MOHD HAJJAJ)

Guru Bahasa Melayu


Disemak Oleh



(PN FARIDAH)

K.P Bahasa Melayu

Disahkan Oleh


HJH. MAWARNI BT YAHYA
(PENGETUA)SMK. Sungai Kapar Indah
42200 Kapar, Selangor D. E.

KERTAS SOALAN TAMAT